

Oleh MUNSJI JAWI

Kata Serapan

Bahasa Inggeris

Dalam keluaran yang lalu, pembaca telah diperkenalkan kepada kaedah menjeja kata serapan daripada bahasa Arab. Selain bahasa Arab, ada dalam kalangan kosa kata bahasa Melayu yang berasal daripada bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa Eropah yang lain. Contoh perkataan dalam kategori ini adalah seperti "skrip", "abstrak", "struktur" dan "klinik". Bagaimanakah perkataan-perkataan ini dieja dalam tulisan Jawi?

Dalam tulisan Jawi, kata serapan daripada bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain ini dieja bukan berdasarkan aturan pengejaan kata jati dalam bahasa Melayu. Bagi kata jati bahasa Melayu, bunyi vokal [a] pada suku kata pertama terbuka yang terdapat pada kata dasar yang mengandungi tiga suku kata atau lebih biasanya tidak ditulis dengan huruf "alif". Misalnya, perkataan "bahagia" dieja "ba-ha-alif-ga-ya-alif" tanpa kewujudan huruf "alif" selepas huruf "ba" pada suku kata pertama. Namun begitu, bagi kata serapan bahasa Inggeris seperti "fanatik", huruf "alif" diperlukan pada suku kata pertama. Oleh sebab itu, perkataan ini dieja "fa-alif-nun-alif-ta-ya-kaf".

Bagi kata serapan bahasa Inggeris yang mengandungi huruf gugus konsonan pula, terdapat kaedah penulisan tertentu berdasarkan beberapa situasi yang berbeza. Bagi

gugus konsonan yang terdapat pada awal kata atau suku kata, huruf ini dieja dengan cara merangkaikan atau mendekatkan huruf-huruf yang berkenaan tanpa sisipan apa-apa huruf vokal. Perkataan "struktur" misalnya, dieja "sin-ta-ra-wau-kaf-ta-wau-ra". Dalam perkataan ini, huruf "sin", "ta" dan "ra" dieja berdekatan tanpa disisipkan sebarang huruf vokal. Begitu juga dengan perkataan "abstrak" yang dieja "alif-ba-sin-ta-ra-kaf" dengan huruf "ba" dan "sin" dieja berdekatan. Contoh ejaan perkataan-perkataan lain yang seumpama ini dikemukakan dalam Jadual 1.

Kaedah pengejaannya pula berbeza bagi gugus konsonan yang terdapat pada akhir kata dalam kata serapan bahasa Inggeris.

Jadual 1 Kata serapan bahasa Inggeris yang mengandungi huruf gugus konsonan di awal kata atau di awal suku kata.

Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
struktur	ستروكتور	skrip	سكريف
abstrak	ابسترك	klinik	كلينيك

Jadual 2 Kata serapan bahasa Inggeris yang mengandungi huruf gugus konsonan di akhir kata.

Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
golf	كول ف	sains	سائين س
teks	تيك س	kobalt	كوبلت

Gugus konsonan ini tidak boleh dirangkaikan kerana jika huruf-huruf ini ditulis bersambung, gabungan huruf ini akan membentuk suku kata tertutup. Oleh sebab itu, perkataan "golf" misalnya, dieja "ga-wau-lam-fa" dengan huruf "lam" dan "fa" dieja tidak bersambung. Perkataan "sains" pula dieja "sin-alif-hamzah-ya-nun-sin" dengan huruf "nun" dan "sin" dieja secara tidak berangkai. Jadual 2 memperlihatkan kaedah pengejaan perkataan-perkataan yang tergolong dalam kategori ini dengan lebih jelas.

Meskipun begitu, gugus konsonan pada akhir kata ini boleh dieja berangkai apabila gabungan huruf konsonan ini ditambahi huruf vokal lalu membentuk suku kata terbuka. Atas dasar itu, perkataan

"fakta" dieja "fa-kaf-ta-alif" manakala perkataan "paradigma" dieja "pa-alif-ra-alif-dal-ya-ga-mim-alif". Contoh ejaan kedua-dua perkataan ini dan perkataan-perkataan lain yang seumpamanya dapat dilihat dalam Jadual 3.

Satu lagi aspek penting yang perlu diberikan perhatian oleh pengguna tulisan Jawi apabila mereka ingin menjeja kata serapan bahasa Inggeris ialah kaedah pengejaan huruf "g". Semua kata serapan bahasa Inggeris yang mengandungi huruf ini hendaklah dieja dengan huruf "ga" kerana huruf "g" dilafazkan dengan bunyi [g] dalam bahasa Melayu. Oleh sebab itu, perkataan "paradigma" dieja sedemikian dalam Jadual 3. Begitu jugalah dengan perkataan "agenda", "gimnasium", "tragedi" dan "geologi". Ejaan perkataan-perkataan ini dipersembahkan dalam Jadual 4.

Selain huruf "g", kata serapan daripada bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa Eropah lain banyak menggunakan huruf konsonan "k" pada suku kata akhir. Dalam tulisan Jawi, huruf konsonan ini dieja dengan huruf "kaf". Hal yang sedemikian ini dapat dilihat dalam pengejaan perkataan "trak", "blok", "subjek" dan "komik" sebagaimana yang dikemukakan dalam Jadual 5.

Bagi menjeja huruf vokal "u" pula, terdapat dua kaedah yang digunakan mengikut dua situasi yang berbeza. Dalam situasi pertama, iaitu apabila huruf vokal "u" berada pada awal kata, huruf ini dieja dengan huruf "alif-wau". Contohnya perkataan "unit" dieja "alif-wau-nun-ya-ta" manakala "universiti" dieja "alif-wau-nun-ya-va-ra-sin-ya-ta-ya" seperti dalam Jadual 6.

Dalam situasi kedua pula, huruf vokal "u" ini dieja dengan huruf "wau" apabila berada di tengah-tengah kata seperti perkataan "industri" dan "subsidi" dan pada akhir kata seperti perkataan "natrium" dan "spektrum". Jadual 7 dan Jadual 8 menjelaskan perbezaan kaedah menjeja huruf vokal "u" dalam perkataan-perkataan ini mengikut situasi masing-masing.

Bagi memenuhi keperluan pengejaan kata serapan bahasa

Jadual 3 Kata serapan bahasa Inggeris yang mengandungi huruf gugus konsonan yang ditambahi huruf vokal di akhir kata.

Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
fakta	فكتا	paradigma	فاراديكما
patriotisme	فتريوتيسي	plasma	فلسما

Jadual 4 Kata serapan bahasa Inggeris yang mengandungi huruf "g".

Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
gimnasium	كيمناسيوم	agenda	اگندا
tragedi	تراكيدى	geologi	كيولوگي

Jadual 5 Kata serapan bahasa Inggeris yang mengandungi huruf konsonan "k" di suku kata akhir.

Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
trak	ترك	blok	بلوك
subjek	سوبيجك	komik	كوميك

Jadual 6 Kata serapan bahasa Inggeris yang mengandungi huruf vokal "u" di awal kata.

Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
unit	اونيت	universiti	اونيورسيتي

Jadual 7 Kata serapan bahasa Inggeris yang mengandungi huruf vokal "u" di tengah kata.

Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
industri	ايندلوستري	subsidi	سوبسيدى

Jadual 8 Kata serapan bahasa Inggeris yang mengandungi huruf vokal "u" di akhir kata.

Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
Natrium	ناتريوم	spektrum	سفيكتروم

Inggeris dan bahasa-bahasa Eropah lain juga, satu huruf khas telah diwujudkan, iaitu huruf "va" (huruf "wau" bertitik di atas). Huruf khas ini berfungsi sebagai lambang bagi fonem atau bunyi [v] yang terdapat dalam kata serapan ini. Dengan adanya huruf ini, kita tidak lagi bermasalah untuk menjeja perkataan "universiti", "video" dan "vokasional" dalam tulisan Jawi.

Demikianlah serba sedikit penjelasan tentang kaedah pengejaan kata serapan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa Eropah lain dalam tulisan Jawi. Dengan pencerahan ini diharapkan pengguna tulisan Jawi tidak lagi bermasalah untuk menjeja kata serapan daripada bahasa asing yang banyak digunakan dalam kosa kata bahasa Melayu. DB